

# Jangan terpengaruh B.H 17 JUL 1992 akhbar Singapura: PM

PULAU REDANG, Khamis— Perdana Menteri tidak mahu rakyat negara ini terpengaruh dengan akhbar Singapura yang menggembar-gemburkan ketegangan hubungan di antara negara itu dan Kerajaan Johor.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia ingin terus mewujudkan semangat bekerjasama dan berbaik-baik dengan semua negara jiran, termasuk Singapura.

"Kerajaan Malaysia tidak banyak bercakap mengenai perkara itu tetapi pihak akhbar sengaja menimbulkannya, dan orang ramai tidak perlu terpengaruh," katanya men-

jawab soalan pemberita selepas melawat projek pelancongan Redang Island Resort (RIR) di sini, hari ini.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu ada pihak ketiga yang sengaja menimbulkan ketegangan itu.

Mengulas kenyataan seorang menteri Singapura mengenai hubungan kedua-dua negara tegang kerana beberapa isu yang belum diselesaikan, Perdana Menteri berkata pendapat itu tidak semestinya selaras dengan pendirian Kerajaan Singapura.

"Tetapi jika benar, kenyataan itu adalah pendirian Si-

ngapura dan kita tidak dapat berbuat apa-apa," katanya.

Sebelum itu, Dr Mahathir berpuas hati dengan pembangunan pelancongan yang dilaksanakan oleh Redang Island Resorts (RIR) di pulau itu.

"Pada mulanya saya menyangka projek ini tidak sesuai dibangunkan di pulau ini, tetapi selepas melihat sendiri secara keseluruhan pembangunannya saya berpuas hati," katanya.

Dr Mahathir juga berpuas hati dengan program kawalan pencemaran bagi memastikan air lumpur tidak mengalir ke dalam laut sehingga merosakkan batu karang.